

PM harap sektor swasta turut naikkan gaji

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap sektor swasta dapat mencontohi langkah kerajaan menaikkan gaji penjawat awam seperti diumumkannya semalam.

Perdana Menteri berkata, ada pihak swasta yang mencatatkan keuntungan berganda hasil produktiviti dan pengorbanan pekerja mereka.

“Ini sebagai langkah permulaan, pihak swasta meningkatkan gaji pekerja mereka. Ada syarikat besar yang mencatat

keuntungan berganda daripada produktiviti.

“Apa salahnya kalau syarikat untung berjuta, bagilah sedikit kepada pekerja,” katanya ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja 2024 bertemakan ‘Pekerja Kesuma Bangsa’ di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Bagi pekerja GIG, Perdana Menteri mengarahkan penubuhan Suruhanjaya Pekerja GIG disegerakan bagi membela na-

sib golongan berkenaan kerana ia penting untuk memberi perhatian dan keprihatinan yang lebih kepada mereka.

“Dalam kerajaan, kalau prihatin, kena fikir penjawat awam. Ada KPPA (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam), KSN (Ketua Setiausaha Negara) dan CUEPACS. Namun ada pekerja yang tidak diwakili secara langsung dan sebab itu, Suruhanjaya Pekerja GIG itu perlu.

“Kita minta disegerakan

supaya dapat diberikan perhatian yang lebih,” katanya mengenai kebajikan dan hak 1.12 juta pekerja gig di negara ini yang perlu diberi tumpuan bagi memenuhi keperluan sosial, menyelesaikan pertikaian kontrak dan mendorong kemajuan kerjaya mereka.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, ketika ditemui media selepas majlis sambutan berkenaan, berkata kementeriannya dengan kerjasama Universiti Ma-

laya (UM) sedang menjalankan kajian dan akan mempercepatkan laporan bagi merealisasikan penubuhan suruhanjaya terbabit.

“Laporan interim dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri menjelang 1 Jun ini dan dalam masa dua atau tiga bulan selepas itu, kita akan bentang laporan penuh mengenai fungsi, perundangan, keahlian, implikasi kewangan, bidang kuasa dan sebagainya,” katanya.